

26 JUN 1998

ILMU, IMAN DAN AMAL, TIGA FAKTOR UTAMA JADI PEMIMPIN BAIK

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Siswa negara ini diingatkan bahawa kepimpinan yang baik hanya boleh dihasilkan melalui tahap ilmu yang tinggi, iman yang sempurna dan amalan yang suci.

"Tiada gunanya ilmu tanpa iman dan kalau adapun ilmu dan iman tetapi tidak diamalkan," kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman malam ini.

Sebagai bakal pemimpin, ketiga-tiga rangkaian iaitu ilmu, iman dan amal penting kerana ianya boleh menjadi panduan bagi menghadapi era globalisasi, katanya pada seminar kepimpinan siswa ketiga institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Universiti Teknologi Malaysia di sini.

Seminar tiga hari yang bermula semalam dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pagi tadi.

Tema seminar ialah "Kepimpinan Mahasiswa Menghadapi Cabaran Globalisasi."

Kira-kira 500 peserta dari semua IPTA seluruh negara dan tiga IPT swasta - Universiti Petronas, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Telekom - mengambil bahagian dalam seminar itu.

-- BERNAMA

NZ FAZ